

BESARNYA PENGORBANAN SEORANG KAKAK SULUNG

Oleh: Nur Afifah Ilyana binti Mohd Ghazali, 1171841,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 13 Ogos 2020



Menjadi anak sulung perempuan dalam keluarga pastinya satu tanggungjawab yang sangat besar.

Mana tidaknya, anak sulung perempuan dianggap sebagai orang kanan ibu dan ayah, diberi kepercayaan menguruskan adik-adik ketika mereka tiada di rumah.

Peribadinya sering kelihatan tegas dan garang kerana menjadi ketua kepada adik-adik bukanlah sesuatu yang mudah.

Perbuatannya kelihatan seakan-akan kejam dan tidak ada perasaan. Tetapi tindakannya itu tidak lain hanyalah mahukan yang terbaik untuk adik-adik.

Kadang-kadang, dia juga kelihatan seperti tidak peduli tentang orang lain. Namun, sebenarnya adik-adik sentiasa menjadi keutamaan.

Sifat mengalah dan melebihkan adik-adik membentuk dirinya menjadi seorang gadis yang mampu bertoleransi dengan orang di sekeliling termasuklah ahli-ahli keluarga dan rakan taulan.

Dia juga selalu memilih untuk memendam perasaan dalam diam kerana dia faham bukan semua orang boleh memahami situasinya.

Perjalanannya yang luar biasa mungkin nampak hebat dan mudah tetapi tiada siapa yang tahu bahawa perjuangannya juga penuh dengan titisan air mata dan pengharapan penuh kepada Yang Maha Esa.

Ada ketika, putus asa menerpa dalam diri, namun kerana memikirkan dialah harapan ibu, ayah dan adik-adik, dia menggagahkan kakinya untuk terus melangkah lebih jauh lagi meskipun kepenatan mula menguasai diri.

Menurut penelitian daripada pakar, anak sulung adalah 16 peratus lebih cenderung memiliki kelayakan yang cemerlang dalam bidang akademik berbanding adik-adik yang lain. Selain itu, anak sulung perempuan adalah 4 peratus lebih cemerlang daripada anak sulung lelaki.

Lihat sahaja kejayaan JK Rowling yang merupakan penulis buku Harry Potter yang kemudian diadaptasikan menjadi filem dan Oprah Winfrey, seorang hos terkenal dengan rancangan bual bicaranya 'The Oprah Winfrey Show'.

Mereka telah membuktikan anak sulung perempuan bukan sahaja boleh berjaya malah boleh mengecap populariti.

Pemikirannya yang kritis dan kematangan dalam membuat keputusan membuatkan ibu dan ayah selesa untuk berkongsi masalah, sama ada mengenai kewangan, pelajaran atau adik-adik.

Hilangnya seorang ayah, maka goyahlah kekuatan. Hilangnya seorang ibu, lenyaplah keberkatan.

Bila hilangnya seorang kakak, maka hilanglah kemesraan, terbanglah kehangatan dan lenyaplah gurauan.

Selagi mereka bersama kita mari raikan dan menghargainya kerana terlalu banyak pengorbanan kakak terhadap kita.

Terima kasih kakak atas pengorbananmu selama ini. Maaf andai kami melukaimu dan tidak memahamimu. Semoga Allah dapat membalas semua jasamu dengan ganjaran syurga kelak.

